

SAYANG AYAH (Angamah atau Cikgu Bustam?) Garisi latar tempat yang terdapat dalam sinopsis.

_____ telah menyuruh murid Tahun Enam Kenanga menulis sebuah karangan yang bertajuk “ Saya Sayang Ayah”. Semasa berbincang, _____ hanya mendiamkan diri dan cuba menahan kesedihan supaya perkara yang dialaminya tidak diketahui oleh _____ dan kawan-kawannya. Semasa hendak menulis karangan di rumah, fikirannya menjadi buntu. Perkara ini terjadi apabila dia sering dipukul dan didera oleh ayah tirinya. Perlakuan ini semakin menjadi-jadi apabila ayah tirinya tidak lagi bekerja sebagai pemandu lori, sebaliknya bekerja sebagai buruh binaan. Apabila dia mengadu, emaknya tetap menyalahkan _____ walaupun ayah tirinya berkelakuan demikian. _____ memanggil _____ ke bilik tamu kerana dia tidak menghantar kerja sekolahnya. _____ cuba mengesan masalah yang dihadapi oleh _____ tetapi dia hanya menangis dan tidak mahu memberitahu perkara yang sebenarnya. _____ takut akan amaran ayahnya. Pada satu hari, _____ pergi ke sekolah seperti biasa. Selepas memberikan kerja kepada murid-murid lain, _____ telah membawa _____ berjumpa dengan Guru Besar. _____ telah menceritakan perkara yang terjadi ke atas dirinya. _____ dan Guru Besar bersetuju untuk melaporkan perkara itu kepada pihak polis. Sejurus kemudian, datang dua orang anggota polis memberitahu sesuatu kepada Guru Besar dan _____. _____ telah dibawa ke hospital. Semasa di hospital, barulah _____ tahu bahawa ayahnya telah terlibat dalam kemalangan dan meninggal dunia. Walaupun ayahnya kini tidak akan memukulnya lagi, namun _____ tetap sayang akan ayahnya.

~~~~~

**Tema :** Kasih sayang yang ikhlas seorang anak kepada seorang ayah. Siapa? \_\_\_\_\_

**Persoalan :**

1. Tanggungjawab seorang guru. Siapa? \_\_\_\_\_
2. Kemiskinan keluarga menyebabkan keganasan dalam rumah tangga. Mengapa? \_\_\_\_\_  
perasaan.
3. Masalah penderaan dalam kalangan masyarakat.

**4. Watak & Perwatakan:**

1. Watak utama: \_\_\_\_\_
2. Guru BM watak utama : \_\_\_\_\_
3. Tajuk karangan yang diberikan oleh guru BM : \_\_\_\_\_
4. Seorang yang pemabuk dan selalu memukul watak utama: \_\_\_\_\_
5. Meninggal dunia pada akhir cerita: \_\_\_\_\_

**Teknik plot** yang digunakan di muka surat 65 -66 : \_\_\_\_\_ kembali